



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |  |    |
|--|----|
| - 105 untuk premis haram                   | 10 |
| - Selamba buang sampah dalam sungai Kelang | 29 |

**Berita Harian**

- |   |    |
|---|----|
| - Akta pengasingan sisa pepejal bakal dikuatkuasa | 52 |
|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	105 untuk premis haram
Muka Surat	10

# 105 notis untuk premis haram

SH 7/11/19 ms "

Melibatkan semua premis dan struktur di kawasan Selayang Baru

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Wilayah Persekutuan mengeluarkan sebanyak 105 notis kepada peniaga yang membangun premis haram atas tanah rizab jalan di kawasan Selayang Baru yang bersempadan dengan Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Pengaruhnya, Datuk Che Roslan Che Daud berkata, semua notis diberikan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 kerana pendudukan tanpa

sah di atas tanah kerajaan. Menurutnya, notis tersebut diberikan secara berperingkat iaitu bertarikh 4 dan 5 November 2019 yang melibatkan semua premis dan struktur dari pasar raya sehingga ke bahagian sempadan Wilayah Persekutuan dan Kuala Lumpur.

"Di bawah notis tersebut, semua peniaga premis haram berkenaan diberikan tempoh selama 14 hari untuk mematuhi arahan yang dikeluarkan.

"Jika mereka masih berdegil dan enggan keluar selepas tempoh notis tamat, kita tidak akan berkompromi. Tindakan perobohan akan dilaksanakan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Terdahulu, *Sinar Harian* melaporkan kewujudan premis perniagaan haram yang dibina di atas rizab jalan menyebabkan projek pelebaran jalan di Selayang



Anggota penguatan kuasa PTG Wilayah Persekutuan menyerahkan notis kepada seorang pemilik premis haram dalam operasi yang dijalankan di kawasan Selayang Baru semalam.

Baru tidak dapat dilaksanakan mengikut tarikh dan spesifikasi ditetapkan.

Kedegilan pemilik merobohkan premis haram mereka walaupun telah mendapat surat arahan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) turut meng-

undang tanda tanya adakah mereka terlalu kebal daripada sebarang penguatkuasaan undang-undang.

Sementara itu, mengulas mengenai dakwaan mengatakan notis tersebut hanya diserahkan kepada sebahagian peniaga premis

haram di kawasan berkenaan, Che Roslan berkata, pihaknya melaksanakan penguatkuasaan tersebut mengikut prosedur operasi standard (SOP).

"Kita ikut SOP dan tidak 'pilih bulu'. Jika ada yang masih belum terima

notis seperti peniaga besar yang ada bangunan, ia mungkin disebabkan faktor persempadanan kerana kawasan tersebut melibatkan sempadan Selangor dan Wilayah Persekutuan.

"Dalam kes seperti ini, PTG Wilayah Persekutuan perlu buat siasatan dan merujuk Jabatan Uruk dan Perneataan Malaysia (JUPEM) untuk pengesahan status sempadan lama kawasan premis berkenaan sebelum berbincang dengan PTG Selangor untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya tidak boleh sewenang-wenangnya membuat tindakan penguatan kuasa seki-rianya perkara itu tidak diselesaikan terlebih dahulu.

Menurutnya, PTG Wilayah Persekutuan juga masih belum memuktarmadkan dengan PTG Selangor berkaitan 18 isu sempadan di kawasan berkenaan.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Selamba buang sampah dalam sungai Kelang
Muka Surat	29



Tindakan pemandu lori membuang sampah ke Sungai Klang yang berjaya dirakam penduduk baru-baru ini.

*sh 7/11/19 ms 2*  
**Selamba buang sampah  
dalam Sungai Klang**

**PETALING JAYA -**  
Perbuatan pemandu lori yang membuang sampah ke dalam Sungai Klang berhampiran Taman Medan di sini berjaya dirakam penduduk baru-baru ini.

Lori yang membawa sampah domestik itu dipercaya masuk ke kawasan tebing sungai itu menerusi satu pintu dari kawasan berhampiran.

Difahamkan, terdapat pihak yang menjaga kawasan terbabit dan hanya membenarkan lori tertentu masuk ke kawasan itu untuk membuang sampah.

Penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Ahmad berkata, kegiatan pembuangan

sampah di tepi Sungai Klang berlarutan sejak lima tahun lalu.

Menurutnya, perbuatan itu berhenti seketika sebelum ia berulang apabila penduduk menyedari terdapat beberapa lori keluar masuk ke kawasan tebing sungai sejak beberapa hari lalu.

"Mula-mula hanya lima lori yang masuk ke kawasan itu membuang sampah.

"Ia makin menjadi-jadi apabila lebih 20 lori dilihat membuang sampah terus ke dalam sungai. Mungkin mereka ambil peluang buang pada hari cuti umum kerana menyangka tidak pihak berkuasa yang bekerja," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Akta pengasingan sisa pepejal bakal dikuatkuasa
Muka Surat	52

BH 07/11/19 m/s/s

## Akta pengasingan sisa pepejal bakal dikuat kuasa

**Shah Alam:** Kerajaan Selangor sedang merangka enakmen yang akan mewajibkan pemilik kediaman mengasingkan sisa pepejal mengikut jenis. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian, berkata ketika ini drat enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam pada peringkat meminta pandangan pihak berkaitan.

"Hasrat ini sudah dimaklumkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memohon rundingan berhubung perkara ini.

"Pelaksanaan ini menyaksikan orang ramai perlu mengasingkan sisa pepejal mengikut jenis, iaitu bahan yang boleh dikitar semula, sisa baki dan sisa pukal di tempat berasingan, sementara menunggu hari kutipan yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini, semalam ketika menjawab pertanyaan Chua Wei Kiat (PKR-Rawang) yang ingin tahu tarikh kerajaan negeri akan melaksanakan peraturan pengasingan sisa pepejal.

Wei Kiat juga bertanya isu yang menyebabkan program pelaksanaan pengasingan sisa pepejal kurang berkesan sebelum ini.

Loy Sian berkata, kesedaran pengasingan sisa pepejal dalam kalangan pemilik kediaman masih rendah walaupun pelbagai usaha sudah dijalankan.

"Penduduk enggan membuat pengasingan kerana mereka tidak mahu mengeluarkan kos tambahan untuk membeli plastik yang berbeza warna bagi membuat pengasingan sampah," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan kajian Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), hanya 10 peratus daripada 1.25 juta kediaman di negeri yang tertakluk bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 melaksanakan pengasingan sisa pepejal.

"Negeri yang tertakluk kepada akta ini iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya, Melaka, Perlis, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Johor dilihat masih gagal melaksanakan pengasingan sisa pepejal secara berkesan.

"Malah, walaupun akta ini memperuntuk denda maksimum sehingga RM 1,000, impaknya masih rendah," katanya.

Mengulas lanjut, Loy Sian berkata, pelaksanaan program pengasingan dijangka memberi penjimatan kos pelupusan sampah antara 10 hingga 20 peratus kepada pihak berkuasa tempatan.